


ROSLAN RUSLY

Semangat perpaduan bukan 90 minit

BEBERAPA minggu lalu kita dapat lihat kepelbagaian kaum bersama-sama menyambut Hari Kebangsaan di Dataran Putrajaya. Semua kaum terdiri daripada Melayu, India, Cina, Sikh dan pelbagai lagi hadir menjayakannya. Sama-sama berhimpun dan berkumpul seawal pagi membawa keluarga sehingga matahari mula naik meninggi, mereka masih sabar menunggu dan berpeluh menyaksikan persembahan sambutan tersebut.

Kesepaduan antara semua kaum di negara kita tersemai. Wajah-wajah ceria dan tersenyum tatkala kamera televisyen merakam rakyat Malaysia di setiap sudut. Mereka dilihat bersama dan bersatu hati berkumpul memeriahkan sambutan hari kemerdekaan yang disambut pada 31 Ogos lalu.

“Kemeriahan dapat dirasakan apabila rakyat Malaysia berbilang kaum berkumpul di kedai makan atau restoran mamak duduk bersama dengan menyarungkan jersi Harimau Malaya. Sama-sama bersorak apabila pasukan negara menjaringkan gol. Sama-sama juga meluahkan rasa marah dan kecewa mereka tatkala melihat gelagat penyokong pasukan lawan melakukan provokasi kepada pasukan negara.

Bukan itu sahaja, kesepaduan rakyat berbilang kaum sekali lagi dapat dilihat apabila berlangsungnya Pusingan Kelayakan Bola Sepak Piala Dunia dan Piala Bola Sepak Asia. Sepanjang 90 minit perlawanan, apa yang dapat dilihat seluruh rakyat Malaysia merasai debaran tidak kira di mana sahaja. Kemeriahan dapat dirasakan apabila rakyat Malaysia berbilang kaum berkumpul di kedai makan atau restoran mamak duduk bersama dengan menyarungkan jersi Harimau Malaya. Sama-sama bersorak apabila pasukan negara menjaringkan gol. Sama-sama juga meluahkan rasa marah dan kecewa mereka tatkala melihat gelagat penyokong pasukan lawan melakukan provokasi kepada pasukan negara.

Semangat sayang dan cintakan negara dapat dilihat dan diterjemahkan apabila melihat apa yang berlaku. Di satu sudut lain terdapatnya penyokong Harimau Malaya yang terdiri dari pelbagai kaum seperti Melayu, Cina dan India. Sama-sama duduk semeja. Semangat dan perpaduan dalam kalangan kaum kalau boleh janganlah sepanjang 90 minit sahaja. Ia perlu dikekalkan sepanjang masa untuk menjaga keharmonian negara.

Sukan bukan hanya untuk tontonan dan hiburan tetapi ia juga adalah ejen perpaduan dalam menyatukan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama. Sukan perlu dimartabatkan oleh semua pihak sekali gus merapatkan hubungan sesama kaum. Sukan juga dapat menyatukan rakyat, kita akan dapat menghapuskan tembok politik perkauman dan agama.

Oleh itu semangat perpaduan janganlah dilihat dalam satu sisi sahaja iaitu sukan malah ia adalah lebih besar, di saat setiap negara di dunia ini berada dalam perkampungan global yang mana tiada sempadan boleh memisahkan sehinggakan setiap benua seolah-olah berada dekat dengan kita. Segala anasir jahat harus ditangkis dan cara untuk menangkisnya adalah dengan semangat kesepaduan dan perpaduan antara semua kaum di negara ini supaya menjadi benteng yang teguh dan kukuh.